

Oleh Balqis Jazimah
Zahari
am@hmetro.com.my

POSITIF METHAMPHETAMINE, AMPHETAMINE SERTA THC

11 ANGGOTA POLIS 'SANGKUT'

Ipoh

Seramai 11 anggota polis didapati positif dadah selepas gagal ujian saringan air kencing yang dijalankan secara rambang di dua Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di negeri ini, Rabu lalu.

Ketua Polis Perak Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, mereka yang positif dadah itu membabitkan anggota berpangkat lans koperal hingga koperal berusia antara 35 hingga 51 tahun.

Beliau berkata, seramai sembilan anggota terbabit positif dadah methamphe-

tamine dan amphetamine manakala dua anggota lagi positif dadah tetra hydrocannabinol (THC).

"Kesemua tangkapan disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952. Hanya seorang daripada anggota yang ditangkap pernah ditahan mengikut Seksyen 15(1)(a) akta sama," katanya ketika ditemui selepas melancar-

kan Kempen Anti Scam Polis Diraja Malaysia (PDRM) Awie Tour 2022 Peringkat Kontinjen Perak di sini, kelmarin.

Beliau berkata, selepas ujian saringan awal terhadap anggota berkenaan, pihaknya akan melakukan ujian patalogi untuk tindakan sulsulan.

"Jika mereka disahkan masih lagi positif dengan

dadah tertentu, kami bercadang untuk tuduh (mereka) di mahkamah," katanya.

Beliau menegaskan pihaknya tidak akan berkompromi dengan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan anggota atau pegawai polis.

"Sesiapa sahaja terbabit dengan penyalahgunaan dadah, tidak kira sama ada pegawai atau anggota, kita

akan ambil tindakan tegas ke atas mereka," katanya.

“

Hanya seorang daripada anggota yang ditangkap pernah ditahan

Mior

